

Tradisi dan Penggunaan Mantera dalam Etnik Kenyah (Tradition and the Usage of Mantra among the Kenyah ethnic)

Juna Liau

Universiti Malaysia Sarawak

ljuna@unimas.my

Received Date: 28 April 2025

Accepted Date : 6 June 2025

Published Date : 27 June 2025

ABSTRAK

Mantera merupakan elemen sosio-budaya masyarakat. Dalam konteks masyarakat Kenyah tradisional, mantera dipelajari dan dipindahkan kepada ahli-ahli masyarakat melalui penggunaan bahasa lisan dan ritual berkenaan mantera diamalkan dalam kehidupan harian seperti budaya bertanam padi dan budaya penyembuhan. Melalui mantera, corak pemikiran dan budaya masyarakat Kenyah diteliti sebagai usaha merungkai tradisi mantera tradisional dan perubahan yang berlaku akibat agen transformasi sosial seperti pengenalan agama Kristian, pendidikan formal dan perkhidmatan bioperubatan, budaya berasaskan wang dan penggunaan teknologi. Kajian menunjukkan amalan budaya mantera didapati dalam pelbagai aspek sosio-budaya seperti adat resam dan pantang larang, perubatan, pertanian, dan kepahlawanan. Walau bagaimanapun budaya mantera hampir pupus kerana budaya berkenaan hanya diamalkan oleh golongan tua.

Kata kunci: Mantera, tradisi lisan, Kenyah, budaya perubatan, transformasi sosial

ABSTRACT

Mantra is socio-cultural elements of societies. In the context of traditional Kenyah communities, mantra is learned and transmitted to the communities' members via oral communication and involvement in socio-economics activities such as during rice planting and healing activities. Through mantra, the patterns of thought and the culture of the Kenyah examined as an attempt to describe the tradition related to mantra and the impact of the agents of social transformation such as the conversion to Christianity, formal education, biomedical services, cash-based transactions and the use of technology. The findings show that mantra is practiced in a range of socio-cultural aspects including customs, taboos, medicine, agriculture and fighting activities. However, mantra in contemporary Kenyah is in the midst of disappearing because the culture practiced only by the older generation.

Keywords: Mantra, oral tradition, Kenyah, ethnomedicine, social transformation

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-Non-Commercial-Share Alike 4.0 International (CC BY-NC-SA 4.0) license which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work is properly cited.

PENGENALAN

Antara aspek yang dimasukkan dalam penulisan ini adalah pengenalan kepada mantera, penjelasan tentang adat resam dan pantang larang berkaitan dengan bayi dan kanak-kanak, perubatan tradisi, pertanian, kepahlawanan dan perubahan yang dialami oleh mantera tradisi.

Mantera merupakan amalan berirama dan penghasilan bunyi yang berulang dalam pelbagai budaya dan masyarakat (Perry, Polito dan Thompson, 2021). Masyarakat Kenyah di Borneo (khususnya di Kalimantan Timur dan Sarawak) berjumlah kira-kira 40,000 orang (Whittier, 1978) dan mereka terdiri daripada penganut agama Kristian, Bungan Malan dan segelintir berpegang kepada kepercayaan animisme. Sebelum kedatangan mubaligh-mubaligh Kristian, semua masyarakat Kenyah percaya kepada kepercayaan animisme dan petanda (*amen* [bahasa Kenyah]) dan kepercayaan ini mempengaruhi kehidupan seharian mereka. Binatang-binatang petanda seperti burung helang dan burung *esit* menentukan sama ada mereka boleh keluar dari rumah untuk mencari rezeki. Dalam konteks masyarakat Kenyah kontemporari, agama Kristian telah merombak dengan signifikan sistem sosiobudaya masyarakat ini termasuklah sistem kepercayaan dan penggunaan mantera tradisional (Sagan, 1989). Misalnya, saya dapati dalam konteks masyarakat Kenyah yang beragama Kristian di daerah Belaga, generasi yang lebih muda, khususnya yang berumur kurang daripada 50 tahun tidak arif tentang mantera tradisional.

Dari segi sejarah, mantera telah diamalkan sejak turun temurun oleh kumpulan etnik di Sarawak seperti Iban, Melayu, Bidayuh, Melanau, Kayan dan Kenyah. Hal ini dibuktikan oleh McDougall, Hose, and Haddon (1912) pada zaman pemerintahan Rajah Brooke. Penulisan pengkaji tempatan seperti Benedict Sandin (1980) juga membuktikan tradisi ini masih lagi diamalkan oleh segelintir masyarakat di Sarawak. Menurut pendapat Harun Daud (2001), tradisi lisan mempunyai hubungan yang rapat dengan corak kehidupan, pemikiran dan kepercayaan masyarakat yang melahirkannya. Dalam konteks perbincangan ini, akan ditumpukan perbincangan tentang penggunaan mantera dalam masyarakat Kenyah yang merupakan salah satu etnik Orang Ulu di Sarawak. Menurut Perlembagaan Persatuan Kebangsaan Orang Ulu, Peraturan 3 (11) konsep Orang Ulu merujuk kepada Bukitan, Bisaya, Kayan, Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong dan Kanowit), Kelabit, Kenyah (termasuk Seping, Sebop, Lakiput, Badang dan Berawan), Lugat, Lisum, Murut (Lun Bawang), Penan, Sian, Tabun, Ukit dan Saban.

Latar Belakang Komuniti

Data kajian ini diperolehi melalui kaedah etnografi dan etnologi. Melalui kaedah etnografi penulis telah menjalankan kerja lapangan di kampung-kampung Kenyah di daerah Belaga termasuk Uma Baha (Bakah), Uma Kulit (Lebu' Kulit), Uma Badeng, Uma Bakong and Uma Kelap. Semasa menjalankan kerja lapangan pengkaji menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian untuk mendapatkan data. Sementara kaedah etnologi yang melibatkan perbandingan silang budaya dilakukan terhadap data etnografi, masyarakat dan budaya yang telah ditulis atau dikaji oleh pengkaji lepas. Penggunaan mantera dalam kalangan etnik Kenyah akan dikupas dengan lebih terperinci berdasarkan tajuk-tajuk seperti adat resam dan pantang larang, perubatan, pertanian, dan kepahlawanan. Adat (*adet*) dalam konteks masyarakat Kayan-Kenyah merujuk kepada cara hidup, nilai-nilai asas, budaya, kod perlakuan yang diterima, adab, konvensi dan undang-undang adat (Majlis Adat Istiadat Sarawak, 1994).

DAPATAN KAJIAN

Adat Resam dan Pantang Larang

Aspek-aspek adat dalam konteks asal usul, definisi, fungsi, dan aplikasinya wajar dijelaskan satu persatu untuk merungkai pelbagai persoalan termasuklah yang berkaitan dengan perubahan sosio-budaya dan pembentukan ilmu pengetahuan dalam masyarakat Kenyah.

Dari segi etimologi, perkataan adat dalam bahasa Kenyah disebut atau dieja sebagai *adet*. Istilah *adet* telah digunapakai oleh masyarakat Kenyah sejak turun temurun lagi dan dikenali sebagai adat lama (*adet pu'un*). Pengetahuan tentang adat ini telah diperturunkan dari generasi ke generasi melalui tradisi lisan (contohnya melalui mitos, legenda, mantera, cerita, puisi, dan nyanyian) dan melalui tradisi bukan lisan (misalnya penggunaan tumbuhan ubatan dan penghasilan kraftangan). Masyarakat Kenyah di Sarawak dan Kalimantan Timur tinggal berasingan dari segi geografi namun begitu terdapat banyak persamaan dari segi budaya seperti sistem kepercayaan berteraskan kepada Bali Penyalong dan Bungan Malan pada masa lampau, penggunaan musik *sape* dan kegiatan berhumapadi. Pengamalan agama Bungan Malan menyebabkan masyarakat Kenyah tradisional mengikuti Adat (*Adet*) Bungan yang merangkumi pelbagai aspek seperti pemujaan kepada Tuhan Bungan Malan sebelum menjalankan pelbagai aktiviti, misalnya menanam padi.

Dalam konteks masyarakat Kenyah tradisional, adat difahami mempunyai persamaan yang sangat rapat dengan pengertian kosmologi atau ilmu tentang alam (Whittier, 1978). Memandangkan kosmologi merupakan salah satu cabang falsafah, ini bermakna kosmologi (adat dalam masyarakat Kenyah), menjadi alat untuk merungkai persoalan-persoalan yang kompleks tentang alam, contohnya persoalan-persoalan yang berbentuk keagamaan (teologikal) dan falsafah (metafizikal). Pendek kata, adat dalam masyarakat Kenyah mengandungi falsafah tentang keseluruhan cara hidup mereka, termasuk aspek sosial, agama, ekonomi, dan politik (Sagan, 1989).

Memandangkan adat merupakan satu konsep yang kompleks, Whittier (1978), berhujah bahawa adat sering didefinisikan oleh kebanyakan orang sebagai kebiasaan, atau sebagai hukum adat. Adalah menjadi kebiasaan bagi anggota masyarakat Kenyah menghormati golongan yang lebih tua dan memastikan binatang-binatang tidak diperolokkan. Jika berlaku kejadian-kejadian sebaliknya, ini telah menyalahi adat kebiasaan dan dipercayai bersifat luarbiasa, misalnya kejadian *selit* atau peristiwa yang boleh menyebabkan individu atau sebuah komuniti disumpah menjadi batu. Berdasarkan cerita lisan masyarakat Kenyah, pada masa lampau, seorang ayah dan anak lelakinya telah disumpah menjadi batu oleh kuasa ghaib akibat perbuatan mereka mentertawakan seekor binatang (*kitan*) yang ditangkap di hutan. Menurut seorang informan dari daerah Belaga, kampung halamannya dipercayai nyaris-nyaris ditimpa malapetaka *selit* dan peristiwa berkenaan diceritakan berikut:

Pada suatu petang [tahun 1982], cuaca tiba-tiba bertukar gelap (*metem*), ribut (*bayu kasa*) bertiup dengan kuat sekali dan rumah panjang kami dipenuhi oleh daun-daun berwarna hijau. Selepas itu terdapat banyak katak hijau (*saai bileng*) masuk ke dalam verandah rumah. Penduduk kampung membaling *kavong* dan *lu* ke luar rumah dan berkata “jika *selit*, alatan ini akan hidup semula.” Kami berdoa kepada Tuhan dan memohon hujan batu tidak turun. Jika turun

[hujan batu] kami boleh bertukar menjadi batu. Suami saya melihat kaki satu lembaga yang sangat besar melangkah ke arah bukit berhampiran dan kayu-kayu yang dipijaknya ranap. Selepas disiasat didapati kejadian berkenaan berpunca daripada perbuatan sekumpulan anak-anak muda yang mempermain-mainkan katak semasa mereka pergi berkelah. (Komunikasi personal: Wanita Uma Baha, Disember 2014)

Masyarakat Kenyah tradisional memahami bahawa makhluk-makhluk di bumi ini telah dicipta oleh tuhan bernama Bali Penyalong dan tingkah laku seseorang Kenyah akan dipengaruhi oleh pemahaman mereka tentang alam ciptaanNya. Contohnya, Tuhan Burung Helang, bernama Bali Flaki (Pelahi) merupakan pengantara di antara Bali Penyalong dan manusia pada masa silam dan ini menyebabkan manusia harus memahami dan mematuhi mereka. Dalam situasi ini setiap individu wajib memerhati petanda-petanda yang ditunjukkan oleh binatang-binatang penyampai mesej sebelum seseorang itu keluar dari rumah seperti untuk menjalankan aktiviti-aktiviti harian. Untuk memastikan mereka tidak melanggar adat, maka mereka harus mematuhi peraturan dan pantang larang yang menjadi norma dan nilai dalam kalangan masyarakat berkenaan.

Dalam konteks masyarakat Kayan dan Kenyah kontemporari dengan kerjasama Majlis Adat Istiadat Sarawak dan ketua-ketua masyarakat Kayan dan Kenyah, adat mereka telah didokumentasi dengan terbitnya buku Adat Kayan-Kenyah pada tahun 1994. Adat dalam konteks dokumen ini ditakrifkan sebagai "...cara hidup, norma dan nilai asas, budaya, tingkah laku yang diterima pakai secara umum, budi pekerti, adat resam, dan pantang larang" (Adat Kayan-Kenyah, 1994: 127). Pada pendapat saya, definisi berkenaan menggambarkan kesedaran golongan yang terbabit dalam penghasilan Adat Kayan-Kenyah bahawa adat merupakan satu konsep yang kompleks dan pendokumentasian adat berkenaan memerlukan pemahaman yang mendalam tentang adat Kayan-Kenyah.

Fungsi utama adat adalah untuk mengekalkan keharmonian dalam konteks jasmani, emosi, rohani, dan sosial. Contohnya keharmonian hubungan dalam kalangan ahli-ahli masyarakat, dan keharmonian hubungan di antara ahli-ahli masyarakat dengan persekitaran fizikal mereka. Setiap individu dijangka bertingkah laku menurut adat, dan ini menyebabkan perbuatan yang melanggar adat adalah harus dielakkan kerana pelanggaran terhadap adat dipercayai boleh mengancam kesejahteraan individu, keluarga, dan keseluruhan ahli komuniti Kenyah. Seandainya seseorang individu dan sesebuah isi rumah telah melanggar adat, maka langkah-langkah pembedahan perlu diambil untuk mengembalikan keadaan kacau bilau atau tidak tenteram kepada keadaan harmoni dan seimbang.

Dalam konteks kitaran hidup (dari bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa, and usia tua) seseorang individu dalam masyarakat Kenyah dijangka menghormati dan mematuhi adat resam dan pantang larang masyarakatnya. Setiap anggota masyarakat belajar mematuhi adat resam dan pantang larang yang terdapat dalam masyarakatnya melalui proses sosialisasi dan internalisasi.

Bayi dan Kanak-kanak

Peranan ahli-ahli keluarga dan masyarakat Kenyah adalah sangat penting dalam konteks penjagaan bayi dan kanak-kanak kecil. Oleh yang demikian, ibu bapa memainkan peranan dalam

menghasilkan anak-anak yang sihat dari aspek jasmani, emosi, rohani dan moral. Sejak kecil lagi anak-anak diajar dengan norma-norma yang menjadi panduan hidup masyarakat Kenyah. Masyarakat Kenyah tradisional mempunyai stratifikasi sosial yang ketat: golongan aristokrat (*paren*), golongan biasa (*panyen*) dan hamba (*ule'*). Oleh yang demikian bayi yang kecil akan dibesarkan mengikut status sosial mereka. Misalnya anak-anak orang biasa tidak boleh digendong dengan alat pembawa bayi yang melambangkan unsur ghaib seperti penggunaan simbol manusia (*kalong kelunan*) dan harimau (*lecau*). Jika si ibu tidak akur kepada adat dan pantang larang berkenaan, anak-anaknya boleh mendapat bala seperti sakit teruk. Alat pembawa bayi akan digantung dengan bahan-bahan berunsur perlindungan seperti loceng kecil, gigi binatang dan ubat *long* untuk memberi perlindungan kepada si bayi. Begitu juga, mana-mana anak kecil dalam masyarakat Kenyah tradisional tidak boleh dipuji secara terang-terangan atau melalui ungkapan seperti cantik, berbau harum dan comel. Sebaliknya orang-orang yang rasional dijangka menggunakan kata-kata yang mempunyai maksud yang bertentangan seperti buruk (*afe*), busuk (*bao*) dan hodoh (*jefuro*) untuk mengelakkan makhluk-makhluk bukan manusia merasa cemburu kerana anak-anak hantu-hantu sangat hodoh dan menjijikkan (Liau, 1997). Contoh doa yang dibaca oleh si ibu kepada Bungan Malan Peseleng Luan ialah “*petubo ngan jage anakke Bungan Malan.*”

Selain itu, si ibu yang mempunyai bayi tidak dibenarkan keluar pada masa-masa tertentu seperti selepas senja berlabuh dan selepas hujan panas. Ibu yang mempunyai anak-anak kecil juga tidak dibenarkan menghadiri upacara kematian orang yang tinggal sekampung kerana semangat anak-anak kecil mudah diganggu gugat oleh makhluk-makhluk jahat. Muka atau kening anak-anak kecil akan dicalit dengan warna hitam dari periuk belanga untuk mengelirukan roh-roh jahat yang berkeliaran di kawasan kampung. Bayi-bayi juga dipakaikan dengan gelang tangan manik berwarna hitam sebagai langkah untuk mengelakkan mereka diganggu oleh makhluk jahat. Rumah-rumah orang yang mempunyai anak-anak kecil akan digantungkan dengan tumbuh-tumbuhan yang berunsur perubatan seperti daun *pong*, batang *long*, siput *belale*, sarang lebah *awa* dan duri-duri tumbuhan hutan. Semasa si ibu atau bapa menggantung bahan-bahan ini mantera dilafaz seperti berikut:

*Oh... Bungan Malan
nyafau ngelingau nyekang melivang,
nyekang ngerada ame,
ngeco inu de ube nai piat peluvat ame.*
(Komunikasi personal: Wanita Uma Baha, Disember 2014)

Makanan yang diberikan kepada bayi dan anak-anak kecil juga perlu dijaga, contohnya jika bayi lapar mereka perlu disusukan oleh ibunya dengan kadar segera kerana dipercayai ada hantu-hantu, contohnya *bali erit* yang akan mengambil kesempatan menyusui bayi-bayi yang tidak diendahkan. Bayi-bayi yang kecil juga tidak boleh dibiarkan tidur bersendirian di dalam rumah atau di ladang tanpa ditemani oleh orang yang lebih dewasa.

Ibu-bapa akan membaca jampi serapah untuk anak-anak mereka seperti meminta pertolongan daripada tuhan bernama Laki Penyalong bagi yang mengamalkan adat lama (*Adet Pu'un*) dan bagi yang mengamalkan Adat Bungan akan memanjatkan doa kepada Bungan Malan. Contoh jampi serapah yang dipanjatkan ialah “jauhkan semua benda yang datang mengancam mencederakan kami” (*ngeco inu de kenai nyale nai mice ame*). Akibat pemeluk agama Kristian

dalam kalangan masyarakat Kenyah, kepercayaan kepada Laki Penyalong dan Bungan Malan telah bertukar kepada kepercayaan kepada Nabi Isa. Di daerah Baram, mantera tradisional Kenyah seperti *nabadah* dan *gaiing* telah disesuaikan dengan doktrin agama Kristian (Galvin, 1968). Bagaimanapun, menurut pemerhatian saya didapati kepercayaan kepada Laki Penyalong dan Bungan Malan tidak lenyap sepenuhnya dalam kalangan segelintir generasi yang lebih tua, khususnya yang berumur lebih daripada 60 tahun walaupun mereka telah beragama Kristian. Ini menunjukkan tradisi lama dalam konteks generasi tua berkait rapat dengan identiti, warisan dan sejarah keluarga mereka. Menurut Kottak (2006), sebagai satu komponen budaya, sistem kepercayaan dalam mana-mana masyarakat perlu bersifat dinamik supaya perubahan yang berlaku dapat dihadapi dengan baik.

Semasa zaman remaja, awal dewasa, dewasa dan berusia, semua individu harus menjalani hidup berdasarkan adat resam dan pantang larang masyarakat Kenyah. Adat Kayan-Kenyah (1994) menggariskan panduan tentang banyak aspek dalam kehidupan Kayan-Kenyah seperti adat perkahwinan, adat mendirikan rumah panjang dan adat berhuma. Golongan kanak-kanak dan remaja diajar bahawa bangun lewat pada waktu pagi adalah bertentangan dengan norma masyarakat. Pembaziran makanan terutamanya nasi tidak dibenarkan kerana beras atau nasi mempunyai semangat (*berua*) dan semangat ini perlu dijaga (perkara ini dibincangkan dengan terperinci dalam bahagian pertanian). Apabila kaum lelaki pergi berburu di dalam hutan atau menangkap ikan di sungai, adat dan pantang larang juga perlu diikuti. Mantera yang lebih berbentuk doa dibaca seperti berikut:

*Dise kenai ke meta cen meta pengumen
Baen iho petubo asat ke
Kenai ke meta pengumen ce
dalem ke mudip
pepau ngadan ko tuhan.*

(Komunikasi personal: Lelaki Uma Baha, Disember 2014)

Menurut responden tersebut, jika anjing buruan mereka didapati tidak dapat berburu dengan baik, nampak ketakutan dan keletihan, anjing-anjing berkenaan akan dijampi dengan cara mengambil sebatang buluh, memasukkan air ke dalam buluh berkenaan, dan memasukkan umbut *nyateng* ke dalamnya dan doa dipanjatkan kepada Bungan Malan. Selepas itu, air yang telah dijampi dipercikkan kepada anjing-anjing buruan mereka. Bagaimanapun informan tidak dapat mengingat doa yang dibaca kerana beliau masih muda ketika menyaksikan peristiwa berkenaan.

Semua aspek kehidupan masyarakat Kenyah seperti dalam bidang sosial, ekonomi, politik dan keagamaan juga berpanji kepada adat resam dan pantang larang. Menghormati ibu bapa dan golongan yang lebih tua merupakan satu adat yang diutamakan. Si anak yang tidak memainkan peranan menghormati dan menjaga orang tua mereka akan mengalami tulah (*parib* atau *parit*). Oleh itu, dalam kalangan masyarakat Kenyah tradisional, keluarga yang berbentuk 'luas', yakni yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga generasi adalah suatu kebiasaan. Tinggal bersama dalam satu bumbung membantu ahli-ahli sesebuah isi rumah (*pengelamin*) memahami kedudukan sosial dan peranan masing-masing.

Dalam bidang ekonomi, semua ahli-ahli masyarakat mementingkan penanaman padi kerana nasi merupakan makanan ruji mereka, berkait rapat dengan kepercayaan dan pemilikan

harta benda. Dalam bidang sosio-politik dan keagamaan tradisional, hanya golongan aristokrat (*paren*) dan *deta'u* yang dikatakan boleh memegang pucuk kepimpinan kampung seperti menjadi ketua kampung, mengetuai upacara-upacara tertentu seperti penanaman padi dan penyembahan Bulan Malan. Individu yang menjadi pengamal perubatan tradisional juga kebiasaannya datang dari golongan yang menduduki stratifikasi sosial yang tinggi dalam masyarakat.

Perubatan

Mantera merupakan amalan berirama dan penghasilan bunyi yang berulang dalam pelbagai budaya untuk menyembuh penyakit dan mengatasi kesukaran psikologi dan emosi (Perry, Polito dan Thompson, 2021). Penggunaan jampi serapah dalam masyarakat Kenyah merupakan salah satu daripada teknik penyembuhan sakit-demam. Jampi serapah yang digunakan dalam kalangan masyarakat Kenyah mempunyai dua konteks: pertama, dibaca di dalam hati atau secara senyap-senyap dan kedua, dibaca secara lisan atau boleh didengar oleh orang lain. Sebelum diterangkan penggunaan mantera dengan lebih lanjut, terdapat beberapa perkara perlu difahami terlebih dahulu seperti etiologi dan penjenisan sakit-demam, kegiatan dan kaedah penyembuhan, dan teknik pencegahan dalam masyarakat Kenyah.

Etiologi sakit demam dalam masyarakat Kenyah, boleh dibahagikan kepada dua, yakni pertama, semulajadi (naturalistik) dan kedua, personalistik. Elemen-elemen sejuk, panas dan angin adalah faktor alam semulajadi yang boleh menyebabkan sakit-demam; manakala gangguan manusia, ahli sihir, hantu-hantu dan kuasa-kuasa luar biasa adalah contoh sakit-demam yang bersifat personalistik. Etiologi sakit-demam dalam masyarakat Kenyah mempunyai persamaan dengan masyarakat bumiputera lain di Malaysia seperti dalam kalangan masyarakat Melayu (Hashim Awang, 1990) dan masyarakat Iban (Chen, 1975; 1981).

Oleh kerana masyarakat Kenyah percaya etiologi sakit-demam adalah berpunca daripada faktor-faktor semulajadi dan ghaib, maka cara mereka menangani isu kesihatan adalah bersesuaian dengan punca-punca sakit-demam tersebut. Misalnya jika seseorang itu merasa sangat sejuk dan kurang sihat, maka makanan yang bersifat panas seperti bubur nasi yang panas boleh dimakan dan air halia boleh diminum untuk memanaskan badan. Sebaliknya jika seseorang itu merasa sangat panas dan tidak sihat, maka makanan atau minuman yang berunsurkan sejuk perlu diminum atau dimakan seperti air tumbuhan herba seperti *long* dan *pong*. Contoh jampi yang dibaca ialah:

*Ngeco inu de kenai nyale nai mice ahe
Nuo ube inu-inu tai nuyan kun baen ca taban
ngan penisen du
Ahe muat ahe magat umen taban ji
(Komunikasi personal: Wanita Uma Baha, 2014)*

Satu lagi contoh jampi yang dibaca oleh pengguna mantera untuk mengubati penyakit *peiyai* dalam kalangan masyarakat Kenyah di Kalimantan Timur telah direkodkan oleh Gollin (2001: 169) seperti berikut:

*Ca, dua, telu, pat...
Sapat pesau pa'dau na sakit peliyai ini.
Ketai linguk,*

*Ketai ndem,
Ketai alem,
Ketai pesau'
Ketai pa'dau apan na tai malit.
Tai kupit na!*

Teknik penyembuhan dan pencegahan sakit-demam yang berpunca secara semulajadi boleh diusahakan pada tahap individu atau sesebuah isi rumah. Misalnya, anak-anak kecil tidak dibenarkan bermain-main di luar rumah semasa hujan lebat atau semasa panas terik kerana unsur sejuk atau panas yang keterlaluan boleh menyebabkan anak-anak berkenaan mengalami demam sejuk atau demam panas. Anak-anak kecil tidak dibenarkan bermain-main di luar rumah (contohnya bermain sorok-sorok) ketika remang senja dan ketika hujan panas kerana dikhuatiri hantu-hantu jahat berkeliaran pada masa itu. Teknik penyembuhan sakit-demam yang berpunca daripada alam semulajadi boleh ditangani dengan pelbagai cara, misalnya berurut, mengambil ubat-ubatan yang dibuat daripada tumbuh-tumbuhan (contohnya batang dan akar kayu) oleh ahli-ahli keluarga yang lebih tua, memakan makanan yang berkhasiat dan mendapat tidur yang cukup. Hal ini bermakna sakit-demam yang berpunca daripada faktor semula jadi lebih mudah ditangani oleh individu dan ahli-ahli keluarganya berbanding dengan sakit-demam yang berpunca daripada unsur-unsur ghaib.

Selain melakukan aktiviti penyembuhan pada peringkat individu dan isi rumah, Sandin (1980) menyatakan bahawa amalan perubatan dalam masyarakat Kenyah tradisional juga melibatkan ahli-ahli masyarakat yang tidak tinggal sebumbung. Hal ini bermaksud aktiviti penyembuhan dilakukan oleh pihak yang bukan ahli sesebuah isi rumah seperti dukun tradisional yang dikenali sebagai *ia de un bali rayong* dengan melakukan upacara *dayong*. Sandin (1980) tidak banyak menulis contoh-contoh mantera yang telah digunakan oleh dukun dalam kalangan masyarakat Kenyah tradisional. Saya dapati dalam konteks masyarakat Kenyah kontemporari di daerah Belaga, mantera penyembuhan yang lengkap tidak dapat diperolehi kerana dukun tradisional tidak wujud lagi dan ajaran Kristian menentang amalan penggunaan jampi serapah. Hal ini bermakna, peristiwa-persitiwa yang telah disaksikan oleh Sandin (1980) digunakan oleh saya sebagai panduan untuk menerangkan penyembuhan dalam masyarakat Kenyah tradisional.

Menurut adat resam masyarakat Kenyah tradisional, jikalau seseorang itu mengalami sakit-demam, beberapa orang lelaki yang telah berusia (memiliki status sosial yang baik dan dipercayai mempunyai hubungan spiritual) diminta untuk menyembuhkan si pesakit seperti mana dinyatakan di bawah (Sandin, 1980: 10):

- (i) Jika seorang bayi yang jatuh sakit, maka 1 orang berketurunan aristokrat dan 1 orang kebanyakan akan dijemput;
- (ii) Jika seorang remaja lelaki yang jatuh sakit maka 2 orang berketurunan aristokrat dan 2 orang kebanyakan akan merawatnya;
- (iii) Jika orang dewasa yang jatuh sakit, maka 3 orang berketurunan aristokrat yang telah berumur dan 2 orang kebanyakan diminta merawatnya; dan

- (iv) Jika orang tua yang jatuh sakit, maka 4 orang berketurunan aristokrat yang dianggap warga emas dan 2 orang kebanyakan diminta merawatnya.

Pihak-pihak yang terlibat untuk menyembuhkan individu yang mengalami sakit-demam perlu mendaki bukit pada awal pagi (kebiasanya pada pukul 8 pagi) untuk menunggu kemunculan burung helang, yang merupakan burung pengantara di antara masyarakat Kenyah dan Bali Penyalong. Mereka yang terlibat dalam misi penyembuhan ini membawa bersama-sama mereka telur ayam dan ayam hidup mengikut jumlah orang yang terlibat dalam aktiviti penyembuhan berkenaan. Misalnya jika upacara penyembuhan bagi bayi dijalankan, maka 2 biji telur ayam dan 2 ekor ayam hidup diperlukan. Pihak yang terlibat dalam upacara penyembuhan akan duduk di atas bukit, memegang telur ayam dan memohon doa kepada Bungan Malan untuk meminta burung helang terbang di langit. Sekiranya burung helang tidak muncul dalam masa tertentu, maka mereka akan balik ke rumah panjang dan upacara seumpama itu diulangi pada keesokan harinya. Seandainya seekor burung helang muncul, pihak yang menunggu tadi akan membaca doa yang dipanggil *uyan udip*, dan mereka berdoa supaya burung helang berkenaan menyampaikan permintaan mereka kepada Bungan Malan supaya individu yang sedang sakit akan sembuh dengan segera. Contoh doa:

[Sambil memegang dan mengangkat kayu upacara (*padau*)]

Ji unong udip me

Kuen Bungan Malan Peselong Luan

Ina me mecai padau ji unong udip me

Iho ngerene iho negening dau temame me.

(Komunikasi personal: Lelaki Uma Baha, Disember 2014)

Selepas membaca jampi serapah, maka ayam tadi disembelih dan darahnya disapukan di batang-batang kayu yang dipacakkan di tanah dan telur ayam juga diletakkan di atas kayu *padau*. Mereka kembali ke rumah panjang dengan membawa ayam yang telah dibunuh dan ayam berkenaan digunakan semasa membaca doa, sambil ayam itu dipusing-pusingkan atau dihayun-hayunkan di atas orang yang sakit. Selepas upacara menggunakan ayam itu selesai, seekor khinzir dibunuh dan doa dipanjatkan kepada Bungan Malan untuk memohon kesembuhan. Sedikit darah khinzir dipalitkan ke badan pesakit dan darah khinzir yang selebihnya diletakkan di luar rumah pada sebatang kayu upacara. Lebih kurang dua jam kemudian, binatang yang disembelih tadi dimasak, dan semua pihak yang hadir memakannya. Selepas menjamu selera, mereka yang terlibat secara langsung dalam upacara penyembuhan ditemani balik ke rumah masing-masing dan mereka diberi sebilah parang sebagai alat untuk memperkuatkan semangat mereka.

Sakit-demam yang dipercayai berpunca daripada unsur-unsur personalistik yang agak sukar diubet melalui penggunaan orang berketurunan aristokrat dan golongan rakyat biasa, boleh digantikan dengan menggunakan perkhidmatan dukun (*ia de un bali rayong*). Dalam masyarakat Kenyah tradisional, dukun memainkan peranan penting dalam mengembalikan keseimbangan kesihatan individu yang sakit dengan usaha melakukan teknik penyembuhan secara menyeluruh. Fungsi utama aktiviti penyembuhan ialah untuk membebaskan seseorang yang sedang dilanda sakit-demam itu daripada kesengsaraan fizikal dan emosi; membolehkan individu berkenaan kembali semula ke pangkuan masyarakat; dan membolehkan individu berkenaan menjalankan peranan dan tanggungjawabnya sebagai salah seorang anggota masyarakat.

Aktiviti penyembuhan secara holistik yang dilakukan oleh pengamal perubatan Kenyah tradisional juga melibatkan aspek-aspek jasmani, emosi, rohani dan akal fikiran. Dalam kata lain, individu yang mengalami sakit-demam, perlu melalui proses-proses penyembuhan atau upacara tertentu. Untuk menjelaskan perkara ini, saya akan mengambil contoh yang telah ditulis oleh Sandin (1980) hasil daripada penyelidikannya yang dilakukan dari tahun 1953 hingga 1970 khasnya di daerah Baram di Sarawak di dalam perenggan seterusnya.

Seandainya sesebuah keluarga ingin menggunakan perkhidmatan dukun untuk menyembuhkan ahli keluarga mereka yang sakit tenat, maka beberapa orang ahli-ahli perubatan masyarakat Kenyah dijemput berkumpul di dalam rumah mereka. Ahli-ahli kumpulan penyembuhan diminta menyanyi (*ngerahang*) dalam masa 15 ke 20 minit. Pada masa yang sama beberapa orang muda disuruh untuk memanggil dukun. Sebelum bertandang ke rumah orang yang sakit, dukun akan berunding dengan penjaga semangatnya yang dikenali sebagai *bali utong*. Seandainya penjaga semangatnya bersetuju, maka dukun akan bergegas ke rumah orang yang sedang sakit.

Apabila dukun itu tiba di rumah orang yang memerlukan khidmat penyembuhan, dukun memusingkan telur ayam yang telah diletakkan di dalam gong dan dukun berkenaan menelitikan petanda yang ditunjukkan. Jika telur yang diputar itu berhenti bergerak dan menunjukkan arah ke bilik, maka itu menunjukkan petanda yang baik. Sama ada petanda yang dilihat itu baik atau buruk, dukun akan keluar dari bilik pesakit untuk seketika dan memanjatkan doa kepada Bungan Malan. Semasa bersendirian, dukun menari-nari dan melompat-lompat sambil memegang sebilah parang ilang dalam masa 10 minit.

Selepas itu, dukun naik semula ke rumah dan memberitahu ahli-ahli keluarga tentang mesej yang disampaikan oleh Bungan Malan dan saat itu sering disusuli dengan keadaan panik. Jika pesakit didapati telah melanggar pantang larang, maka dia akan didenda, dan ahli-ahli keluarganya perlu memberi enam telur ayam atau satu gong atau kedua-duanya kepada dukun yang mewakili Bungan Malan. Selepas itu, dukun akan melaung dengan kuat sambil menyebut bentuk kesalahan yang dilakukan oleh pesakit dan menyatakan jenis burung petanda yang tidak diendahnya, dan dukun merayu agar Bungan Malan mengampunkan si pesakit. Selepas doa kemaafan dilaungkan, maka dukun menyampaikan mesej dari Bungan Malan kepada pesakit dan ahli-ahli keluarga pesakitnya dan mengingatkan si pesakit agar mematuhi burung petanda pada masa hadapan.

Seterusnya, dukun memusing gong yang mengandungi enam biji telur ayam sebanyak tiga kali dan dia 'masuk' ke dalam gong berkenaan sambil memegang sebilah parang ilang. Apabila dia keluar dari gong berkenaan, dia menunjukkan kepada semua orang yang menyaksikan upacara penyembuhan, tanda yang roh pesakit telah kembali ke dalam parang ilang. Dukun tidak membenarkan sesiapa mendekatinya sehingga roh pesakit telah berada di tengah-tengah parang ilang. Sambil memegang parang ilang, dukun berjalan ke arah pesakit dan membenarkan roh berkenaan hinggap di kepala pesakit. Dukun membaca doa dan mengesahkan bahawa pesakit telah kembali sihat. Untuk menamatkan upacara penyembuhan, dukun membunuh seekor ayam dan darah ayam dipalit di kepala dan tangan pesakit. Dukun meletakkan parang ilang yang digunakannya berdekatan dengan pesakit sebagai penampian daripada gangguan roh-roh jahat. Selepas itu, dukun ditemani oleh beberapa orang muda kembali ke rumahnya dan dukun membawa bersamanya sebilah parang sebagai pengeras, seekor ayam dan sedikit upah.

Meskipun upah yang diberi kepada dukun tidak dapat dinilai dengan wang ringgit, mereka dihormati dalam kalangan masyarakat Kenyah tradisional. Walaupun dukun dalam kalangan masyarakat Kenyah tradisional terdiri daripada kaum lelaki dan wanita, namun sejumlah besar dukun berkenaan terdiri daripada golongan lelaki. Seseorang itu boleh menjadi dukun melalui beberapa cara: melalui warisan (contohnya ilmu perubatan diperturunkan daripada si bapa kepada si anak), melalui peristiwa-peristiwa yang bersifat mistik (misalnya melalui mimpi yang berulang-ulang) dan melalui anugerah (*penulat*) dari tuhan. Upacara penyembuhan memerlukan seseorang dukun melakukan beberapa ritual seperti menari-nari, bertepuk tangan, membaca jampi dan menilik nasib menggunakan umbut *nyateng*. Contohnya, seorang dukun wanita Kenyah di daerah Belaga pada masa lampau menari-nari dan menyanyi seperti berikut semasa upacara penyembuhan:

Tia fe saong ke tepo' urut
Tia fe tangep ke buah usan
Tia fe safai ke berak lihot
Neng tuneng neng tucut.

(Komunikasi personal: Wanita Uma Baha, Disember 2014).

Pencegahan sakit-demam dalam kalangan masyarakat Kenyah juga memerlukan kerjasama semua pihak, yakni individu, isi rumah dan ahli-ahli komuniti. Sekiranya mereka mendengar perkhbarannya buruk bahawa sejenis penyakit telah menyerang wilayah berhampiran, ketua kampung akan mengadakan mesyuarat tergempar untuk menjalankan upacara yang dipanggil 'upacara menghadang penyakit' (*muko mending*) untuk menghalang penyakit masuk ke kampung mereka (Sandin, 1980). Menurut Sandin lagi, di daerah Baram upacara menghadang penyakit dibahagi kepada dua: pertama, dijalankan secara besar-besaran dan kedua, diadakan secara kecil-kecilan. Upacara menghalang penyakit yang pertama memerlukan semua penduduk kampung tinggal di dalam rumah panjang selama tiga hari dan upacara yang kedua menyebabkan mereka perlu tinggal selama satu hari dan tidak keluar dari rumah semasa upacara berjalan.

Aktiviti-aktiviti persediaan untuk menjalankan upacara menghalang penyakit yang bersifat besar-besaran dimulakan dari awal pagi (lebih kurang pukul 6 pagi) dan berakhir pada pukul 5 petang. Antara aktiviti yang dilakukan ialah mengumpul sejenis tumbuh-tumbuhan yang baunya boleh menakutkan hantu-hantu jahat; mengukir kayu; mencabut anak-anak pokok tertentu; dan mencantas pokok tertentu yang mempunyai daun yang banyak. Alat-alat penyembahan seperti telur ayam, ayam hidup dan khinzir disediakan untuk menyempurnakan upacara menghalang penyakit. Jampi serapah akan dibaca untuk memohon pertolongan Bungan Malan dan binatang ritual digunakan sebagai bahan penyembahan dan darah binatang berkaitan disapukan atau dipercikkan atau diletakkan pada tempat-tempat tertentu. Hujung-hujung rumah panjang diletakkan dengan bahan-bahan upacara, yakni satu patung kayu yang telah diukir; satu kayu berukir yang banyak mata, telinga dan mulut; satu pokok yang telah dicabut, diletak dengan akarnya ke atas; dan satu pokok kecil yang daunnya tidak dibuang.

Pada waktu petang (kira-kira jam 5 petang), semua pintu rumah dan tingkap ditutup untuk mengelakkan 'perjumpaan' di antara manusia dan roh-roh ghaib. Semasa upacara-upacara ini berlangsung, setiap orang perlu mematuhi pantang larang, contohnya tidak dibenarkan keluar ke tanah, perlu bercakap-cakap dengan nada yang perlahan-lahan, dan hanya berinteraksi dengan orang-orang yang tinggal sebumbung. Selain itu, orang luar tidak dibenarkan melawat rumah

panjang dalam tempoh tiga hari dan pantang-larang harus dipatuhi sepenuhnya. Pada hari yang keempat, semua penduduk kampung bebas keluar rumah, misalnya pergi ke ladang, berburu dan mengunjungi sanak saudara yang tidak tinggal sebumbung. Alat-alat upacara yang telah diletakkan di hujung rumah panjang tidak dicabut tetapi dibiarkan reput secara semulajadi.

Ternyata, dalam konteks masyarakat Kenyah tradisional amalan perubatan mereka berpanji kepada pemahaman mereka tentang faktor-faktor yang menyebabkan sakit-demam seperti faktor semulajadi dan faktor ghaib. Hal ini bermakna adalah menjadi tanggungjawab setiap individu untuk mengelakkan diri mereka daripada mengalami sakit-demam yang disebabkan oleh unsur-unsur semulajadi atau ghaib. Jika pelanggaran pantang larang telah berlaku, maka upacara penyembuhan dilakukan oleh oleh golongan tertentu atau dukun akan mengambil tempat dengan disertakan oleh mantera kepada kuasa-kuasa ghaib seperti Bulan Malan. Ringkas kata, masyarakat Kenyah mementingkan kesejahteraan diri, keluarga dan komuniti kerana kesihatan yang baik membolehkan mereka memainkan peranan aktif dalam aktiviti harian seperti bercucuk tanam.

Pertanian

Menurut Conley (1978), kegiatan penanaman padi merupakan satu tema utama dalam masyarakat Kenyah tradisional. Selain daripada penanaman padi, tema-tema utama seperti kepercayaan kepada kuasa-kuasa ghaib dan kepentingan semangat kemasyarakatan juga dijelaskan dalam konteks aktiviti pertanian khususnya penanaman padi. Bagi menjelaskan peraturan dan norma-norma berkaitan dengan penanaman padi, maka dijelaskan perkara yang berlaku sebelum dan semasa padi ditanam, semasa menuai, dan selesai menuai. Dalam setiap kampung, seorang ketua upacara penanaman padi dan pembantu-pembantunya dilantik sebelum aktiviti penanaman padi dijalankan. Pada masa lampau, dalam kalangan masyarakat Kenyah Uma Baha di daerah Belaga, ketua upacara penanaman padi harus *malan tau* atau berpantang pada waktu siang selama setahun supaya petani-petani mendapat hasil tuaian yang banyak.

Menurut Sandin (1980), di daerah Baram, langkah pertama yang lakukan oleh ketua upacara penanaman padi dan pembantu-pembantunya pada waktu awal pagi ialah mendaki bukit berhampiran dengan kampung mereka untuk melihat kemunculan burung helang di langit. Ketua upacara duduk di tengah-tengah pembantunya dan mereka memanjatkan doa kepada Bulan Malan untuk mendapatkan restu dan mereka memohon agar burung helang terbang dari kiri ke kanan mereka kerana itu menunjukkan petanda yang baik. Selepas mendapat petanda yang baik mereka balik ke rumah panjang dan selepas makan tengahari, kumpulan ini masuk ke dalam hutan dengan membawa beras untuk diberi kepada binatang-binatang petanda seperti burung helang (*pelahi*) dan burung kelicap (*esit*) sebagai makanan atau pemberian. Mereka membaca jampi serapah agar binatang-binatang berkenaan menunjukkan belas kasihan (*pengelesau*) kepada mereka. Contoh doa:

Ji dise me mahan iho esit, iho lesau ame.

Nuo buwe de jaet nai piat peluvat ame.

(Komunikasi personal: Wanita Uma Baha, Disember 2014)

Selepas itu, mereka balik ke rumah masing-masing dan bersiap sedia untuk memulakan kerja-kerja mereka pada keesokan harinya, misalnya menajamkan peralatan yang digunakan. Aktiviti-aktiviti menebas dan menebang merupakan kerja-kerja yang memenatkan dan ia mengambil masa lebih

kurang kurang dua bulan. Selepas kawasan hutan telah diterangkan, ia dibiarkan untuk masa tertentu untuk memastikan sesuatu kawasan benar-benar kering, dan tumbuhan-tumbuhan telah kering sebelum kawasan tadi dibakar. Kawasan yang telah dibakar itu dibiarkan selang beberapa hari sebelum kegiatan penanaman padi dan tanaman makanan lain seperti jagung, ubi dan keledak dijalankan.

Sebelum padi ditanam, ketua upacara penanaman padi memotong sebatang pokok dan batangnya dipacakkannya ke arah langit. Semasa waktu tengahari (kira-kira pukul 12 tengahari), dia mengukur bayang-bayang kayu itu apabila bayang-bayang berkenaan dianggar sepanjang lengan bawahnya. Alat pengukur berkenaan disimpan dengan baik oleh ketua upacara penanaman padi dan ia ditayangkan kepada orang ramai semasa upacara berkaitan dengan penanaman padi dalam tempoh yang telah ditetapkan. Alat pengukur tersebut dibuang oleh orang yang dilantik sebagai ketua upacara baru pada tahun seterusnya.

Satu mesyuarat diadakan untuk menentukan bentuk kerja menanam padi yang dilakukan seperti bekerja secara giliran (*senguyun*) dan membantu (*mepo*) ketua upacara dan ketua kampung menanam padi. Contoh jampi yang dibaca sebelum padi ditanam (*nugan*) ialah “*tia ngot tia ubot udip padai me ta tane ji.*” Sewaktu menanam padi, orang lelaki dewasa ditugaskan menugal atau menujah tanah di barisan hadapan; manakala kaum wanita menyimpan benih ke dalam lubang tanah yang ditugal di barisan belakang.

Semasa padi yang ditanam telah hidup, petani-petani melakukan aktiviti merumput dan upacara-upacara berkaitan dengan unsur kesuburan padi seperti *uyan seli* dijalankan untuk memastikan burung-burung dan binatang-bintang liar tidak mengganggu padi mereka. Orang-orang (*udo*) juga dibuat untuk menakut-nakutkan unggas-unggas dan binatang-binatang yang cuba merosakkan tanaman mereka. Apabila padi mulai berbuah, satu lagi upacara dilakukan dengan membunuh ayam atau khinzir di luar rumah panjang dengan harapan mereka mendapat hasil tuaian yang banyak dan perayaan diadakan selama tiga hari.

Sebelum aktiviti menuai dijalankan, satu lagi upacara yang dipanggil sebagai *lemalan* diadakan. Upacara ini diadakan oleh setiap isi rumah di ladang masing-masing dengan menyembelih seekor ayam sebagai bahan penyembahan kepada Bungan Malan. Contoh doa yang dibaca sebelum menuai (*majau*) ialah “*mecai ngan luwai me majau tau yi, melai me ala padai.*” Sedikit tangkai padi diambil, dileraikan, digoreng tanpa minyak, dan kemudian ditumbuk dengan lesung kayu untuk menghasilkan makanan yang dinamakan sebagai *ubek* dan ia dimakan dalam satu perayaan yang mengambil masa sehari suntuk, menandakan pemulaan musim menuai. Selepas menuai selama enam hari berturut-turut, satu upacara dijalankan untuk menunjukkan kesyukuran ahli-ahli komuniti dengan hasil ladang mereka. Pada waktu upacara itu dilangsungkan, ayam atau khinzir tidak perlu dibunuh dan hanya jampi serapah dibaca. Musim menuai akan berjalan selama dua bulan dan bantuan diberikan kepada ketua upacara penanaman padi dan ketua kampung untuk menuai padi di ladang mereka. Selepas aktiviti menuai telah selesai, maka satu pesta diadakan, dan setiap isi rumah memberi sedikit hasil tuaian kepada ketua upacara dan ketua kampung sebagai tanda berterima kasih. Dalam konteks masyarakat Kenyah kontemporari di daerah Belaga upacara yang terakhir ini dikenali sebagai pesta selepas menuai atau *Ramai O'o Ajau (Pelepek Uman)*.

Berdasarkan proses-proses penanaman padi yang telah diterangkan, boleh disimpulkan bahawa adat resam dan pantang larang sangat perlu dipatuhi oleh setiap orang kampung untuk

mendapatkan hasil yang lumayan. Upacara-upacara penyembahan seperti memanjatkan mantera dan menyembelih binatang ternakan (contohnya ayam dan khinzir) adalah penting untuk memohon berkat dan perlindungan dari Bungan Malan. Menurut Malinowski, iaitu bapa antropologi terkenal, upacara-upacara yang dijalankan oleh ahli-ahli sesebuah masyarakat adalah bertujuan untuk berurusan dengan unsur-unsur ghaib dan upacara-upacara berkaitan boleh mengurangkan perasaan tidak pasti dan takut (Miller, 2009). Perasaan-perasaan yang bersifat negatif (contohnya tidak pasti dan takut) wajar ditangani oleh masyarakat.

Kepahlawanan

Dalam konteks masyarakat Kenyah tradisional, sifat-sifat pahlawan, misalnya berani (*mahang*) pantang mengalah (*bawe*) dan gagah (*salet*) merupakan aspek yang dipandang tinggi dalam masyarakat ini terutamanya dalam kalangan kaum lelaki. Sejak dari kecil lagi kanak-kanak diajar supaya bersikap berani dan seawal umur empat tahun kanak-kanak lelaki dibenarkan bermain dengan alat-alat yang tajam seperti tombak dan parang, dan pada umur tujuh tahun mereka disuruh tidur berasingan daripada ibu bapa mereka (Sandin, 1980). Dalam tulisan Galvin (1968), dikatakan kanak-kanak lelaki dilibatkan dalam upacara yang bermotifkan keperwiraan. Dalam upacara *suen* misalnya dengan beralatkan tombak kecil, kanak-kanak dibenarkan menombak atau ‘menyerang’ tengkorak manusia dalam upacara yang diadakan dan jampi serapah dibaca oleh golongan yang lebih tua seperti berikut:

Kita memberi persembahan kepada Bungan Malan dalam upacara memburu kepala yang dibenarkan oleh Engkau agar anak-anak lelaki kami aktif dan ada kekuatan dalam peperangan (Galvin, 1968: 241).

Ritchie (2006) menyatakan bahawa mendiang Temenggong Oyong Lawai Jau (Paramount Chief) masyarakat Kenyah dan etnik Orang Ulu lain seperti Kayan, Penan dan Kelabit di daerah Baram merupakan salah satu pahlawan dan pemimpin yang telah dilatih oleh bapa dan ayah saudaranya menggunakan alat-alat merbahaya semenjak kecil lagi dan apabila menjelang umur 20 tahun beliau telah mahir tentang selok-belok kehidupan sosial dan geografi daerah Baram seperti pengembaraan dan pemburuan di kawasan hutan belantara.

Penekanan kepada kepahlawanan menjadi satu kebiasaan pada zaman dahulu kerana berapa sebab, contohnya keadaan persekitaran fizikal yang dikelilingi dengan hutan belantara, sungai yang deras atau merbahaya, ancaman daripada binatang buas dan risiko serangan pihak musuh. Apatah lagi, dari segi sejarah, sebelum Rajah Brooke memerintah Sarawak, masyarakat peribumi di Sarawak terlibat dalam aktiviti yang melibatkan nyawa insan lain seperti kegiatan perhambaan, peperangan dan memburu kepala. Oleh itu, selepas Rajah Brooke memerintah Sarawak pada tahun 1841, beliau memerintah supaya kegiatan memburu kepala diharamkan atau dilarang sama sekali (Walker, 2002). Implikasi dari pengharaman aktiviti memburu kepala telah melemahkan institusi *ngayau*, mewujudkan keamanan di Sarawak dan menggalakkan interaksi sosial antara kaum di Sarawak seperti Melayu, Iban, Cina, Bidayuh dan Orang Ulu (contohnya Kayan dan Kenyah). Contohnya perdamaian (*petutong*) yang diadakan di Kapit, Sarawak pada tahun 1907 dan 1922 telah mewujudkan keamanan di kalangan para penduduk di wilayah-wilayah jajahan British dan Belanda (Sandin, 1980) seperti kaum Iban, Kayan dan Kenyah.

Penggunaan mantera dalam konteks masyarakat Kenyah tradisional boleh diucapkan secara individu atau berkumpulan, contohnya mengungkapkan kata-kata peniup semangat seperti berikut: “*metanek bala*” atau “*Ep barep taun melai ke'/me' ube, taun melai ke/me tai kalah.*” Di samping itu, ungkapan-ungkapan tersebut digunakan untuk mengurangkan perasaan takut si pengucap dan sebagai usaha memohon perlindungan dari kuasa-kuasa ghaib seperti Bungan Malan. Mantera juga dibaca dalam konteks sebelum dan semasa seseorang itu masuk ke dalam hutan tebal untuk memburu binatang dan mengumpul hasil-hasil hutan. Mantera juga dibaca sebelum dan semasa terlibat dalam peperangan dengan pihak musuh, dan mereka yang terlibat dalam aktiviti pengembaraan ke daerah-daerah asing supaya mereka mendapat pertolongan dari unsur-unsur ghaib. Pihak yang menggunakan mantera kadang kala menggunakan alat-alat yang berunsur ghaib seperti penggunaan tangkal (*bali taban*) untuk mendapat perlindungan. Bagaimanapun, McDougall, Hose, and Haddon (1912) menyatakan bahawa penggunaan tangkal tidak popular dalam kalangan lelaki Kenyah tradisional.

Upacara-upacara tertentu dijalankan untuk menaikkan semangat keperwiraan lelaki Kenyah tradisional, misalnya melalui kultus *mamat*. Dari konteks etimologi, perkataan *mamat* berbaur dengan konsep-konsep seperti ‘pesta’, ‘istiadat’, ‘upacara’ dan ‘kenduri-kendara.’ Pesta *mamat* dikatakan dimulakan ekoran arahan Tuhan Bungan Malan kepada seorang lelaki ciptaannya bernama Apoi Akar (Sandin, 1980). Hal ini menyebabkan seorang lelaki berketurunan Kenyah dijadikan korban: kepalanya dipotong, dikeringkan menggunakan api, dan dijemur di bawah pancaran sang suria. Kepala manusia itu dijadikan sebagai ‘piala’ yang digunakan dalam pesta *mamat* yang mempunyai banyak tujuan seperti untuk mendapatkan penyembuhan dari sakit-demam, melipat gandakan rezeki, dan menaikkan sifat kepahlawanan. Upacara-upacara yang dijalankan juga disertakan dengan aktiviti menyembelih binatang peliharaan sebagai alat penyembahan seperti ayam dan khinzir. Darah binatang berkenaan dipalit ke tangan semua hadirin dalam upacara yang dilaksanakan. Selain membunuh binatang sebagai alat penyembahan, pelbagai aktiviti dijalankan semasa pesta *mamat* seperti menyanyi, menari dan memuja tuhan mereka. Contohnya, doa berikut dibaca semasa mereka menyembah ‘batu suci’ (*batu tuloi*):

Sekarang saya sudah buat untuk kamu dua mata, dua telinga, dan mulut; untuk kamu melihat, mendengar, dan bercakap. Oleh itu, dengarlah doa saya. Perhatikan dengan matamu kehidupan sosial kami, dan dengar dengan telingamu rayuan-rayuan kami. Jawab dengan mulutmu doa kami. Saya berdoa agar kami semua bergembira semasa pesta ini” (Sandin, 1980: 29).

Penulisan Galvin (1968), berdasarkan kajiannya di ulu Baram dalam kalangan masyarakat Kenyah pada bulan April 1966 menyatakan bahawa perayaan *mamat* adalah satu cara yang berkesan untuk menyatupadukan ahli-ahli masyarakat, menonjolkan sistem kepercayaan yang dianuti dan mengembalikan kegemilangan zaman lampau. Dalam pesta *mamat* juga individu yang telah mendapat kepala musuh dirayakan dan ini menyebabkan status sosial mereka boleh dipertingkatkan. Selain terlibat aktif dalam aktiviti memburu kepala dan peperangan, status sosial seseorang lelaki juga boleh dinaikkan akibat penglibatan mereka dalam aktiviti pengembaraan ke tempat-tempat lain di luar wilayah mereka (Galvin, 1968). Hal ini bermakna golongan yang bukan bangsawan berpeluang meningkatkan gred sosial mereka dan ini memberi peluang kepada mereka untuk mengahwini gadis-gadis dari golongan aristokrat. Dalam kata lain, ganjaran yang diberikan

kepada golongan yang mempamerkan kepahlawanan yang tinggi menyebabkan golongan lelaki dalam masyarakat Kenyah tradisional menekan nilai-nilai seperti gagah dan pantang mengalah.

Perubahan

Dalam bahagian-bahagian awal artikel ini, telah dijelaskan banyak aspek yang saling berkaitan di antara satu sama lain seperti adat resam, pantang larang dan penggunaan mantera yang berkaitan dengan amalan perubatan, pertanian dan kepahlawanan. Setiap aspek yang telah dijelaskan mempunyai pertalian rapat dengan aspek-aspek tradisional seperti organisasi sosiobudaya, rumah panjang dan isi rumah. Masyarakat Kenyah tradisional mempunyai stratifikasi sosial yang jelas, misalnya pembahagian masyarakat kepada kelas-kelas tertentu seperti golongan aristokrat (*paren*), golongan biasa (*panyen*) dan golongan hamba abdi (*ule*). Struktur kelas ini diperkukuhkan oleh satu pandangan dunia yang dikenali sebagai adat, yakni satu struktur yang mempertahankan kewujudan dan keseimbangan dalam masyarakat Kenyah tradisional (Hong, 1978). Adat ini boleh dikatakan sebagai satu sistem yang menyeluruh dan tanggungjawab setiap ahlinya ditentukan oleh adat dan semua pihak harus mematuhi adat mereka. Tuntasnya untuk memastikan keseimbangan dalam konteks semulajadi dan ghaib dikekalkan, semua aspek perlu dipatuhi, misalnya adat dan pantang larang berkaitan dengan amalan penyembuhan, penanaman padi dan peperangan.

Aspek perubahan dalam konteks sistem kepercayaan dan amalan-amalan masyarakat juga digambarkan dalam bab ini. Daripada masyarakat yang percaya kepada semangat atau dikenali sebagai animisme, masyarakat Kenyah tradisional telah mengadaptasikan amalan kepercayaan kepada Bungan Malan walaupun kadar pemelukan kepada kepercayaan kepada Bungan Malan berbeza-beza dari satu kampung ke kampung lain (Liau, 2013). Pengikut-pengikut Bungan Malan dikatakan berminat kepada sistem kepercayaan ini kerana ia lebih praktikal daripada percaya kepada petanda-petanda yang menghalang penglibatan mereka secara aktif dalam kegiatan sosial, ekonomi dan politik. Misalnya, jika petanda yang dilihat mereka kurang baik, maka sesebuah kawasan pertanian yang telah diterangkan boleh ditinggalkan kerana dikhuatiri boleh membawa malapetaka kepada ahli-ahli masyarakat. Daripada perspektif pragmatisme, perbuatan meninggalkan tanah yang telah ditebang atau ladang yang telah diusahakan merupakan satu pembaziran dari segi masa, tenaga dan ekonomi.

Akan tetapi harus dijelaskan di sini bahawa kepercayaan kepada Bulan Malan menggambarkan satu bentuk 'penentangan' terhadap agama Kristian yang mulai berkembang semenjak zaman pemerintahan British dan Belanda. Dalam konteks masyarakat Kenyah di daerah Belaga dan daerah Baram pengamal agama tradisional dan Bungan Malan telah menjadi golongan minoriti dari segi jumlah pengikut-pengikutnya dan ramai penganut-penganutnya terdiri daripada golongan warga emas. Tekanan daripada banyak faktor luaran seperti pengharaman amalan memburu kepala, penghapusan sistem penghambaan, pengenalan amalan Kristian, pendidikan, pertanian dan perubatan moden dikatakan telah memberi impak yang signifikan kepada amalan-amalan tradisional seperti penggunaan jampi serapah dalam konteks perubatan, pertanian dan kepahlawanan (Hong, 1978). Dalam kata lain, adat dan pantang larang lama telah dipinggirkan dalam usaha masyarakat ini berhadapan dengan persekitaran sosial dan fizikal mereka yang sentiasa berubah-ubah.

Dalam konteks masyarakat Kenyah di daerah Belaga yang telah mengalami petempatan semula akibat pembinaan Empangan Bakun, kesan-kesan faktor-faktor luaran sungguh signifikan

dalam merombak keseluruhan adat masyarakatnya. Misalnya semenjak penempatan ke tempat baru di Sungai Asap-Koyan pada tahun 1998, penyelidik dapati generasi muda dalam kalangan masyarakat Kayan dan Kenyah telah direnggangkan daripada sejarah dan amalan-amalan tradisional mereka, misalnya pemilikan tanah yang sedikit (lebih kurang tiga ekar) setiap isi rumah turut menghalang penanaman padi secara aktif (Liau, 2007; 2019). Malah pengenalan kepada bioperubatan dan kepupusan hutan semulajadi juga telah mengurangkan kebergantungan mereka kepada amalan perubatan tradisional seperti penggunaan herba tradisional.

Walaupun penggunaan mantera dalam masyarakat Kenyah tradisional mempunyai sejarah yang berkurun-kurun lamanya tetapi penyelidik dapati amalan ini semakin pudar khasnya dalam masyarakat Kenyah yang dari generasi muda dan mereka yang tinggal berjauhan dari kampung-kampung halaman mereka. Kematian ketua-ketua upacara yang biasanya tergolong dalam kalangan generasi emas tidak digantikan dengan pengganti-pengganti baru yang arif tentang adat dan pantang larang masyarakat Kenyah. Dalam penulisan ini, penyelidik banyak bergantung kepada penulisan-penulisan yang kebanyakannya telah ditulis sebelum tahun 2000. Penggunaan doa dalam konteks masyarakat Kenyah kontemporari mempamerkan asimilasi terhadap agama Kristian dan tidak dinafikan nilai-nilai dan norma-norma agama Kristian telah bertapak kuat dalam masyarakat Kenyah kontemporari. Hal ini dapat dilihat dengan penggunaan doa dan puji-pujian kepada Tuhan sebelum seorang itu memakan ubat-ubatan atau sebelum mereka terlibat dalam aktiviti-aktiviti pertanian. Ini menandakan dari aspek pragmatisme, agama Kristian diminati oleh ramai kumpulan etnik di Sarawak seperti Kayan, Kenyah, Lun Bawang dan Kelabit kerana agama ini memberi kebebasan kepada mereka, contohnya tidak percaya kepada petanda.

PENUTUP

Jika penerbitan tentang aspek kehidupan sosial masyarakat Borneo tidak dijalankan, masyarakat Sarawak “pada masa kini dan masa hadapan akan tidak sedar tentang kegemilangan zaman lampau mereka” (disesuaikan dan diterjemahkan daripada Sandin, 1980: v).

Jika pada zaman dahulu jampi serapah dalam kalangan masyarakat Kenyah dipanjatkan kepada kuasa-kuasa ghaib seperti Bali Penyalong dan Bungan Malan, pada masa kini doa dalam kalangan ahli masyarakat Kenyah yang telah berada di usia senja disesuaikan dengan kepercayaan agama Kristian. Dalam kalangan generasi Kenyah yang lebih muda, penggunaan jampi serapah merupakan satu perkara asing bagi mereka kerana kebanyakannya dilahirkan dan dibesarkan dalam keluarga Kristian. Tambahan pula, doktrin agama Kristian menentang sekeras-kerasnya perbuatan yang berunsur syirik seperti upacara pemujaan terhadap Bulan Malan. Kesimpulannya, walaupun penggunaan mantera dalam masyarakat Kenyah telah mengalami perubahan yang signifikan akibat pelbagai faktor, khasnya agama Kristian, saya berharap agar penggunaan mantera diteruskan oleh ahli-ahli masyarakat Kenyah dengan melakukan pengadaptasian kerana penyesuaian penting untuk individu, isirumah dan komuniti.

PENGHARGAAN

Terima kasih diucapkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Kuching kerana telah menaja kajian mantera termasuk kajian tentang cerita lisan masyarakat Kenyah. Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada semua peserta kajian ini.

RUJUKAN

- Chen, P.C.Y. 1975. Medical systems in Malaysia: Cultural bases and differential use. *Social Science & Medicine*, 9(3), 171-180. [https://doi.org/10.1016/0037-7856\(75\)90054-2](https://doi.org/10.1016/0037-7856(75)90054-2).
- Chen, P.C.Y. 1981. Traditional and modern medicine in Malaysia. *Social Science & Medicine*, 15A, 127-136. doi: 10.1016/0271-7123(81)90032-8.
- Conley, W.W. 1974. Kenyah cultural themes and their interrelationships. *Sarawak Museum Journal*. 22, 311-324.
- Galvin, A.D. 1968. Mamat chants and ceremonies, Long Moh (upper Baram). *Sarawak Museum Journal* 16: 235-248.
- Gollin, L. 2001. The taste and smell of taban Kenyah (Kenyah medicine): An exploration of chemosensory selection criteria for medicinal plants among the Kenyah Leppo' Ke of East Kalimantan, Borneo Indonesia. PhD Thesis. University of Hawai'i.
- Hashim Awang, A.R. 1990. *Antropologi perubatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun, D. 2001. *Mantera Melayu: Analisis pemikiran*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hong, E. 1978. The process of sociocultural change in a Kenyah community. *AKADEMIKA* 13: 31-44.
- Kottak, C. P. 2006. *Anthropology The Exploration of Human Diversity*. Boston: McGraw-Hill International Edition.
- Majlis Adat Istiadat Sarawak. 1994. *Adet Kayan-Kenyah*. Kuching: Percetakan Nasional Berhad.
- McDougall, W; Hose, C & Haddon, A.C. 1912. *The pagan tribes of Borneo: a description of their physical, moral intellectual condition, with some discussion of their ethnic relations*. Volume 2. London, UK: MacMillan and Co., Limited.
- Miller, B. 2009. *Cultural Anthropology* (Fifth ed.). Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Liau, J. 1997. Sistem kekeluargaan dan penamaan masyarakat Kenyah di Long Bulan, Belaga, Sarawak (Tidak diterbitkan). Tesis Sarjana Muda Sastera. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Liau, J. 2007. Anthropological study of Ketene': The Kenyah verbal art. Working Paper Series No. 15. Faculty of Social Sciences, Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Liau, J. 2013. "It's not the end of the world": Living with disability following road traffic accidents in Sarawak, Malaysia. Unpublished PhD Thesis. Clayton, VIC: Monash University.

- Liau, J. 2019. *Ketene' Cerita Lisan Etnik Kenyah*. Kota Samarahan: UNIMAS Publisher.
- Ritchie, J. 2006. *Temenggong Oyang Lawai Jau: A Paramount Chief in Borneo – The Legacy*. Kuching: Wisma Printing Sdn Bhd.
- Perry G, Polito V, Thompson W.F. 2021. *Rhythmic Chanting and Mystical States Across Traditions*. Brain Sciences. Jan 13;11(1):101. <https://doi.org/10.3390/brainsci11010101>
- Sagan, J. D. 1989. The Kenyah of Sarawak. *Sarawak Museum Journal*, 61: 119-135.
- Sandin, B. 1980. *The Living Legends: Borneoans Telling Their Tales*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Walker, J.H. 2002. *Power and Prowess: The Origins of Brooke Kingship in Sarawak*. Crows Nest, NSW: Allen & Unwin.
- Whittier, H.L. 1978. The Kenyah in King, V. T. (Ed.) *Essays on Borneo Societies*. Hull Monographs on South-east Asia 7. Oxford, UK: Oxford University Press.